

## **Impak Media Sosial terhadap Isu Seks Bebas dalam Kalangan Remaja**

*The Impact of Social Media on The Issue of Premarital Sex Among Teenagers.*

**Fatin Farhanah Ammer<sup>1</sup>, Sakinah Salleh<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>1</sup>nitafhanahraf@gmail.com, <sup>2</sup>sakinah.salleh@fsk.upsi.edu.my

**Published:** 31 December 2023

**To cite this article (APA):** Ammer, F. F., & Salleh, S. (2023). Impak Media Sosial terhadap Isu Seks Bebas dalam Kalangan Remaja. *Jurnal Peradaban Melayu*, 18(2), 1–9. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.1.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol18.2.1.2023>

### **ABSTRAK**

Media sosial menjadi platform remaja mendapatkan berita, isu semasa dan hiburan melalui pelbagai aplikasi seperti *WhatsApp, TikTok, Twitter, Instagram, Facebook* dan sebagainya. Walaupun media sosial menyediakan pelbagai kemudahan namun penggunaan tanpa kawalan boleh memberikan impak yang negatif terhadap remaja khususnya gejala seks bebas yang berleluasa sekarang ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti faktor media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja dan meneroka impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah temu bual dan kaedah perpustakaan. Hasil kajian berkenaan faktor media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja adalah: a) pengaruh rakan sebaya dan b) persekitaran keluarga. Manakala impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja adalah: a) menggalakkan pornografi, b) ketagihan seks dan c) perbuatan onani. Implikasi kajian ini dapat membantu ibu bapa agar dapat memantau penggunaan media sosial anak-anak. Pihak kerajaan juga perlu mengawal penyiaran yang berunsurkan hiburan atau seks bebas yang boleh mempengaruhi para remaja. Manakala pihak NGO perlu lebih banyak menyediakan program-program kesedaran berkait kesan negatif media sosial terhadap remaja.

**Kata Kunci:** Media sosial; seks bebas; remaja; keibubapaan; pornografi

### **ABSTRACT**

*Social media has emerged as a predominant platform for teenagers to access news, current events, and entertainment via various applications such as WhatsApp, TikTok, Twitter, Instagram, Facebook, and others. Despite offering diverse opportunities, unchecked usage can potentially exacerbate issues related to premarital sex among teenagers. Hence, this study aims to investigate the factors influencing premarital sex among teenagers through social media and to explore its impacts. The methodology employs a qualitative approach, utilizing interviews and library research. The findings indicate that influential factors include peer influence and family environment, while the impacts encompass the promotion of pornography, sex addiction, and masturbation among teenagers. The implications of this study suggest the need for parental monitoring of children's social media usage and governmental regulation of entertainment content containing elements of premarital sex. While there is a need for NGO awareness programs highlighting the adverse effects of social media on teenagers.*

**Keywords:** Social media; premarital sex; teenagers; parenting; pornography

## **PENGENALAN**

Pada era globalisasi ini, masalah seks bebas dan kes seksual remaja di Malaysia merupakan isu yang serius dan memerlukan perhatian serius dari masyarakat, pemerintah dan pihak berkepentingan lainnya. Berdasarkan dapatan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 6,897 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dan remaja dari tahun 2018-2020 didapati daripada pelbagai aplikasi media sosial antaranya ialah *WhatsApp, WeChat, Instagram, Facebook, Telegram, Bigo, Messenger, TikTok* dan *Twitter* (Bahaudin, 2021). Iklan pornografi yang dipaparkan di media sosial memberi kesan yang negatif bukan sahaja menyebabkan ketagihan, malah mempengaruhi peniruan perbuatan lucuh yang ditonton melalui video pornografi sehingga terjadinya kes rogol ibu sendiri (Mstar Online, 2014). Dapatan kajian oleh Healthcare Malaysia Sdn Bhd yang dibuat oleh Durex pada tahun 2002 ke atas 2500 responden lelaki dan wanita yang berumur lingkungan 18-30 tahun mendapati bahawa remaja yang berumur lingkungan 18-24 tahun paling kerap melakukan hubungan seks dan kelahiran anak luar nikah.

Gejala seks dalam kalangan remaja amat membimbangkan dan semakin parah. Purata mereka melakukan seks adalah sebanyak 121 kali setahun atau 3 kali seminggu (Sabran, 2003). Manakala hasil kajian yang dijalankan oleh Norman dan Othman (2020) mendapati 22% pelajar yang melahirkan anak luar nikah mengaku perbuatan mereka dipengaruhi oleh tontonan pornografi bersama pasangan. Lebih mengejutkan lagi, statistik global yang dikeluarkan oleh laman web lucuh di Amerika Syarikat mencatatkan bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara yang paling tinggi di Asia yang menonton sumber pornografi (Fauzi, 2017). Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan isu masalah seksual adalah berpunca daripada media sosial dan isu ini perlu diatasi daripada semakin parah. Jika tidak ditangani dengan segera, ia boleh membawa kepada kerosakan akhlak dan moral remaja. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja dan juga meneroka impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja.

## **ISU SEKS BEBAS DALAM KALANGAN REMAJA**

Menurut Deswita (2006), pengertian seks bebas adalah apa-apa cara untuk menyata dan melepaskan dorongan seksual yang datang dari kematangan organ-organ seksual, seperti perjumpaan secara intim serta bercium sehingga melakukan hubungan seksual. Seks bebas atau dalam bahasa popularnya disebut extra-marital intercourse atau kinky-sex merupakan bentuk pembebasan seks yang dipandang tidak wajar (Lestari et al., 2014). Seks bebas juga adalah perbuatan melakukan hubungan seks tanpa ikatan perkahwinan (Jasmi, 2017). Terdapat banyak kes yang berlaku melibatkan seks siber dan majoritinya adalah dalam kalangan remaja (Zakaria dan Baharuddin, 2011). Menurut Ab Halim dan Muslaini (2018), kebanyakan pelajar menyatakan terdapat banyak video yang tidak bermoral didedahkan di media sosial yang mempengaruhi pembangunan budaya remaja kearah yang negatif. Pelajar mudah terdedah kepada bahan pornografi kerana saringan yang sangat lemah terhadap video-video tersebut. Hal ini disebabkan remaja kini lebih berminat menonton televisyen, mendengar radio, berinteraksi dengan komputer sama ada bermain komputer 'game' atau melayari internet daripada berinteraksi dengan ibu bapa dan ahli keluarga. Gejala seks yang bermula dengan tontonan pornografi merupakan perbuatan yang harus dipandang serius dan diatasi dengan bersungguh-sungguh kerana implikasi yang disebabkan pornografi tidak hanya memberi kesan kepada tingkah laku mereka yang terlibat tetapi pornografi turut memberi implikasi negatif terhadap kesihatan mental manusia yang sememangnya sukar untuk dirawat walaupun menggunakan ubat-ubatan moden (Norman dan Othman, 2020).

## **IMPAK MEDIA SOSIAL TERHADAP ISU SEKS BEBAS DALAM KALANGAN REMAJA**

Generasi muda merupakan pengganti negara yang diharapkan dapat membina negara agar lebih maju dan makmur. Namun, di era digital ini ramai generasi muda terjerumus dalam pergaulan bebas. Internet seharusnya memberikan manfaat besar, tetapi golongan muda sering salahgunakan. Kajian mendapati bahawa media merupakan antara punca yang mendorong remaja melakukan seks bebas bermula dengan

mengenalinya melalui laman *Facebook* dan sering menonton pornografi sebelum berborak tentang seks bersama rakan-rakan (Subhi et al., 2021). Zaman yang serba canggih ini, Internet merupakan sumber yang paling utama untuk mendapatkan akses pornografi dan merupakan sumber kebanyakan remaja untuk mendapatkan ilmu berkaitan seks. Melalui *Google* dan *Youtube* sahaja segala video dapat diakses sama ada dalam negara mahupun luar negara yang secara tidak langsung membawa kepada ketagihan pornografi dan kesan pornografi tersebut menyebabkan remaja melakukan perbuatan seperti berpegangan tangan, bercium, meraba-raba dan akhirnya terjerumus melakukan seks bersama pasangan yang belum berkahwin (Ashraaf dan Othman, 2019).

Penularan wabak koronavirus pada tahun 2020 menyumbang kepada peningkatan akses web pornografi Pornhub sebanyak 24.4% berbanding sebelum berlakunya pandemik (Ibarra et al., 2020). Peningkatan tersebut merupakan salah satu kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan pergerakan terbatas dan kebanyakannya menggunakan sosial media sebagai tempat untuk melepaskan hawa nafsu sama ada melalui laman web pornografi atau bersama pasangan secara atas talian (Ibarra et al., 2020). Menurut Norman dan Othman (2020), pornografi boleh membawa kepada tingkah laku negatif antaranya adalah menggalakkan remaja meniru melakukan perbuatan seksual kerana keupayaan remaja untuk menapis maklumat masih rendah. Disini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial khususnya dalam kalangan remaja tidak boleh diambil ringan kerana banyak memberi kesan yang buruk terhadap sahsiah diri remaja seperti seks bebas dan kehamilan yang tidak diingini (Akram dan Kumar, 2017). Manakala kajian Subhi et al. (2021) menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang lemah tetapi signifikan berkaitan penggunaan media sosial terhadap kesihatan seksual yang menunjukkan tahap kesihatan seksual meningkat sekiranya responden menggunakan media sosial dengan baik.

## METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam memahami dan mendalami aspek fenomena berkait impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja. Instrumen kajian menggunakan kaedah temu bual secara separa berstruktur (*semi-structured interview*) dan juga menggunakan kaedah perpustakaan. Berdasarkan kaedah ini, beberapa kajian terdahulu yang bersesuaian dipilih sebagai sumber rujukan bagi menyokong kajian yang dijalankan. Hasil analisis yang dilakukan terhadap kajian terdahulu dapat memberi maklumat baru untuk kajian ini yang secara tidak langsung dapat meneruskan kelangsungan ilmu dan memberi maklumat berguna kepada pengkaji yang akan datang. Kajian-kajian terdahulu yang digunakan terdiri daripada buku akademik dan jurnal-jurnal ilmiah. Setiap sumber yang digunakan mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan bagi memastikan data dalam sumber-sumber yang digunakan dapat diaplikasi atau digunakan dalam kajian ini yang mana meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini.

Jadual 1 Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta Kajian	Umur	Umur pertama kali terlibat	Status	Tinggal bersama semasa peristiwa
RA/1	21	14	Pelajar	Ibu bapa
RA/2	22	11	Pelajar	Ibu bapa
RA/3	18	16	Pelajar	Ibu bapa
<b>Jumlah</b>	<b>3 orang</b>			

Peserta kajian yang dipilih terdiri daripada 3 orang remaja berumur 18 hingga 22 tahun yang pernah terlibat dengan masalah seks bebas (rujuk Jadual 1). Setiap peserta kajian diberikan kod seperti RA/1 yang membawa maksud responden anak remaja yang pertama. Manakala RA/2 pula merupakan responden anak

remaja yang kedua dan RA/3 ialah responden anak remaja yang ketiga. Ketiga-tiga peserta kajian tersebut tinggal serumah bersama ibu bapa.

## **DAPATAN KAJIAN**

Hasil perbincangan mendapati bahawa faktor media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja adalah pergaulan rakan sebaya dan persekitaran keluarga. Manakala impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja pula adalah menggalakkan pornografi, ketagihan seks dan perbuatan onani. Analisis dan perbincangan kajian ini adalah berdasarkan analisis kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual.

## **FAKTOR MEDIA SOSIAL TERHADAP ISU SEKS BEBAS DALAM KALANGAN REMAJA**

Hasil analisis menunjukkan pergaulan rakan sebaya dan persekitaran keluarga merupakan faktor yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan isu seks bebas melalui media sosial. Antara yang dinyatakan responden;

### **Pergaulan Rakan Sebaya**

Analisis menunjukkan 2 orang responden menyatakan bahawa pergaulan rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan isu seks bebas melalui media sosial. Responden remaja RA/2 mengatakan bahawa faktor yang menyebabkan beliau terjebak dengan media sosial khususnya menonton pornografi adalah disebabkan pergaulan dengan rakan sebaya: *“Isu seksualiti tu saya terjebak dari sejujurnya dari awal kanak. Awal kanak-kanak umur 11 tahun macam tu sebabkan pergaulan dengan kawan-kawan yang dah start dengan pornografi”* (RA/2/12). RA/2 juga menguatkan semula kenyataan beliau: *“dorongan kawan dan saya yang memilih untuk okay je. Saya nak tengok”* (RA/2/26). Selain itu juga, beliau juga mendapat maklumat saluran media sosial untuk menonton pornografi atas cadangan melalui rakan: *“sebabkan dalam youtube memang takda. Bukan takda. Dia memang disekat. So ada cadangan kawan-kawan lelaki yang bagitahulah unsur-unsur kat mana diaorang tengok tu”* (RA/2/67-68).

Di samping itu, responden remaja RA/1 juga mengatakan bahawa beliau terjebak dengan video melalui rakan: *“Untuk masalah seksual tu saya telah didedahkan daripada kecil lagi”* *Daripada umur seawal 9, 9 tahun.* (RA/1/66&68). *“Maksudnya disebabkan keadaan rumah yang tak okay, jadi waktu tu saya banyak bergaul dengan orang luar. So, dari situ saya kenal”* (RA/1/72). *“maksudnya masa waktu saya umur 19 tahun tu saya didedahkan dengan sexual harassment. Tunjuk video ada, dengan sentuhan ada”*(RA/1/76&82). Beliau menyatakan bahawa beliau terjebak menonton video yang tidak sepatutnya melalui pengaruh rakan.

Hasil kajian ini selari dengan kajian Shahrudin et al. (2018) yang telah membuktikan bahawa pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap terhadap tingkah laku seksual berdasarkan kajian terhadap 130 remaja perempuan berumur 14 hingga 19 tahun yang telah hamil luar nikah. Di samping itu, kajian Abdul Rahman (2020) juga mendapati bahawa rakan sebaya merupakan antara sumber utama remaja mendapatkan maklumat berkaitan seks yang menyebabkan mereka mungkin mendapat maklumat yang kurang tepat sehingga membawa kepada masalah perlakuan seks bebas dan kehamilan luar nikah lantas menyokong hasil kajian ini.

### **Persekitaran Keluarga**

Analisis menunjukkan bahawa seorang responden remaja RA/3 menyatakan bahawa persekitaran keluarga merupakan antara faktor yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan isu seks bebas melalui media

sosial. Responden remaja RA/3 menyatakan bahawa beliau terjebak dengan pornografi disebabkan pengaruh daripada tayangan filem yang ditonton bersama ibu bapa seawal usia 6 tahun. Babak ciuman yang terdapat dalam filem tersebut menyebabkan responden tersebut berasa *trigger* ataupun terangsang dan kemudian mencari tahu sendiri melalui *Youtube* dengan menulis *kissing* dipaparan carian. Berdasarkan kenyataan responden: “*sebab macam kadang-kadang saya suka pinjam phone mak saya untuk macam tengok cerita-cerita budak-budak macam tu. So saya amik kesempatan la tengok benda. Mula-mula saya just tengok dekat Youtube macam cari orang macam kissing macam tu tapi lama-lama*” (RA/3/66-70). Ini menunjukkan responden tersebut ketagih menonton pornografi. Bermula dengan rasa ingin mencari tahu kesan daripada menonton filem yang mempunyai babak ciuman, kemudian akses terus melalui *Youtube* dengan “*taip perkataan kissing*”(RA/3/74). Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa persekitaran keluarga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi anak. Ini selari dengan kajian oleh Tarmizi & Wan Sulaiman (2022) yang menyatakan bahawa ibu bapa yang gagal menjadi *role model* terhadap anak-anak memberi kesan negatif kepada pertumbuhan peribadi dan tingkah laku remaja.

Berdasarkan hasil analisis tersebut, pergaulan rakan sebaya dan persekitaran keluarga adalah faktor penting yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku seks bebas melalui media sosial. Pergaulan rakan sebaya memainkan peranan yang signifikan. Berdasarkan hasil analisis, rakan sebaya yang membentuk persepsi dan sikap remaja terhadap tingkah laku seksual dengan menggalakkan tontonan pornografi dan berkongsi maklumat yang tidak sepatutnya mengenai saluran media sosial yang mengandungi kandungan pornografi itu.

Selain itu juga, persekitaran keluarga memainkan peranan yang signifikan. Ia memberi impak kepada proses pemikiran remaja. Pendedahan kepada kandungan seksual yang ditonton bersama keluarga walaupun adegan yang kelihatan tidak berbahaya seperti bercium boleh menjadikan tingkah laku tersebut normalisasi dalam pemikiran anak-anak. Pendedahan ini mengaburkan batasan tingkah laku yang boleh diterima dan menyumbang kepada sikap permisif terhadap aktiviti seksual.

Secara kesimpulannya, pergaulan rakan sebaya dan persekitaran keluarga merupakan faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dengan isu seks bebas melalui media sosial. Hal ini menekankan keperluan untuk intervensi berfokus bagi menangani kedua-dua pengaruh yang negatif seterusnya mengurangkan risiko seks bebas.

## **IMPAK MEDIA SOSIAL TERHADAP ISU SEKS BEBAS DALAM KALANGAN REMAJA**

Hasil analisis menunjukkan impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja iaitu: a) menggalakkan pornografi, b) ketagihan seks dan c) perbuatan onani. Antara yang dinyatakan responden;

### **Menggalakkan Pornografi**

Dapatan menunjukkan dua orang responden iaitu RA/1 dan RA/2 menyatakan bahawa impak media sosial terhadap isu seks bebas adalah menggalakkan pornografi. Menurut RA/1, beliau terdedah dengan pornografi melalui media sosial: “*Untuk masalah seksual tu saya telah didedahkan daripada kecil lagi. Daripada umur seawal 9, 9 tahun*”(RA/1/66&68). “*Maksudnya tunjuk video ada, dengan sentuhan ada*” (RA/1/82). RA/1 mengatakan bahawa sejak kecil lagi telah didedahkan dengan perkara seksual antaranya dengan video dan sentuhan. Bermula dengan perasaan ingin tahu kesan daripada menonton pornografi di media sosial: “*tapi saya lebih kepada perasaan ingin tahu tu. Kalau tentang sosial tu saya nak tahu macam mana kalau buat macam ni, macam mana rasanya, kalau buat macam ni macam tu*”. “*Sebab saya terdedah dengan pornografi*” (RA/1/242-246). Oleh kerana media sosial sangat mudah diakses, ia menggalakkan remaja untuk mengakses segala perkara yang ingin diketahui tanpa ada sekatan. Tanpa sedar, menjadi bahana dan racun dalam diri remaja itu sendiri.

Menurut RA/2 pula: *Dari awal kanak-kanak umur 11 tahun terjebak dengan pornografi disebabkan pergaulan dengan kawan-kawan yang dah start dengan pornografi (RA/2/12)*. Bermula dengan menonton pornografi menyebabkan berlakunya ketagihan untuk menonton pornografi: *“rasa ketagihan tu sejujurnya masa saya umur 18. 18 start rasa” (RA/2/80)*. Hal ini selari dengan kajian yang mendapati bahawa dijangkakan sebanyak 4.2 juta (12%) daripada kesemua laman web dalam Internet adalah yang berunsurkan seks/lucah atau pornografi yang mempengaruhi remaja sehingga terlibat dalam pornografi. Berdasarkan kajian, 31% golongan yang melayari laman web berunsurkan lucah, 5.5% menunjukkan ciri-ciri ketagihan manakala 17% adalah berisiko untuk menjadi ketagih (Subhi et al., 2021; Zakaria & Baharuddin, 2011). Hal ini menjadi bukti bahawa melalui tontonan media sosial yang berunsurkan seks/lucah yang tidak dikawal memberi kesan yang sangat teruk iaitu menyebabkan ketagihan pornografi.

## **Ketagihan Seks**

Analisis menunjukkan dua orang responden iaitu RA/3 dan RA/1 menyatakan bahawa ketagihan seks merupakan antara impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja. Responden remaja RA/3 menyatakan segalanya bermula dengan mengenali lelaki melalui media sosial: *“Bila macam start borak dengan lelaki online. Macam ada satu apps, bukan apps. Macam ada satu link dekat google tu yang Omegle. Tengok dekat tiktok” (RA/3/130-136)*. Responden RA/3 menyatakan bahawa beliau tidak menjangkakan bahawa perkenalan tersebut akan membawa kepada perbuatan seks: *“..sebab saya rasa macam takpelah kenal online je” (RA/3/156)*. Berdasarkan kenyataan tersebut yang hanya ingin berkenalan secara atas talian sahaja yang menyebabkan remaja tersebut terjerumus dalam perbuatan seks yang sebenar: *“untuk saya bila lelaki yang start ajak saya buat benda tu, saya rasa macam saya kena paksa. Sebab saya rasa macam bila kena paksa tu saya takut dia buat something kat saya. Contoh bila saya bagi gambar kat dia pastu nanti dia kata dia nak sebarkan ke apa macam tu. So bila dia kata la kalau saya tak buat yang ni nanti dia sebarkan” (RA/3/256-262)*. Bermula dengan rasa terpaksa kerana risau akan diugut dengan gambar-gambar tidak senonoh yang pernah dihantar, RA/3 itu bersetuju untuk melakukan seks dengan pasangannya itu. Walaupun dihimpit dengan rasa bersalah tetapi masih meneruskan aktiviti seks bebas tersebut bersama pasangannya. Berikut kenyataan responden: *“rasa salah tu. Ye la sebab saya sendiri pon dah belajar kan pasal benda tu. Tapi dia rasa macam saya rasa saya macam dah banyak buat dosa. So rasa macam takpelah sambung je la. Macam tu” (RA/3/546)*.

Disebabkan terjerumus dengan seks bersama lelaki dalam tempoh waktu yang lama, RA/3 mengatakan bahawa: *“Haa sebenarnya saya macam mana impian saya tinggi. Saya memang saya nak kejar apa impian tu tapi disebabkan saya dah terjebak benda tu, saya memang dah terjebak dengan benda tu awal tapi saya boleh control benda tu” “Tapi bila dah lama tu bila start dengan lelaki tu, dia rasa saya macam nak pilih yang tu daripada kejar impian impian saya” (RA/3/578&580)*. Kenyataan RA/3 tersebut menyatakan bahawa akibat terjebak dengan seks tersebut dalam tempoh waktu yang lama, beliau lebih rela meninggalkan segala impian dan cita-cita yang ingin dicapai. Hal ini juga sama seperti yang dinyatakan oleh RA/1 yang menyatakan telah melakukan seks tersebut bersama seorang pasangan yang dikenali selama 5 tahun dan mengaku bahawa telah melakukan perbuatan tersebut berulang kali: *“Tak tak terkira. Waktu awal-awal tu terlanjur” (RA/1/108&110)*. Perkara ini menunjukkan bahawa RA/3 dan RA/1 telah terjebak dengan ketagihan seks kerana ketagihan seks merupakan tingkah laku seksual yang berada di luar kawalan dan diulang perlakuannya (Astro Awani, 2020).

Baru-baru ini sahaja rakyat Malaysia telah digemparkan dengan kes budak 5 tahun menodai adik kembar akibat ketagihan seks gara-gara kerap menyaksikan ibu kandung melakukan hubungan seks bersama teman lelaki (Aminnuraliff, 2024). Kes ini menunjukkan betapa besarnya pengaruh lingkungan keluarga terhadap perkembangan seksual kanak-kanak. Anak-anak yang terdedah kepada tingkah laku seksual yang tidak wajar di rumah cenderung untuk mengulanginya. Dapatan daripada Kajian Morbiditi Kesihatan Kebangsaan 2017 iaitu 7.3 peratus remaja berumur 13 hingga 17 tahun pernah melakukan seks seawal usia kurang daripada 14 tahun dan 5 peratus pula sangat aktif melakukan seks (Fakulti Perubatan UKM, 2023). Ini menunjukkan bahawa pendedahan awal kepada aktiviti seksual mungkin menyumbang kepada ketagihan seks. Pendedahan awal ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk pengaruh media, rakan sebaya

dan persekitaran keluarga. Berdasarkan info dan statistik tersebut didapati bahawa senario ketagihan seks dikalangan rakyat Malaysia sangat parah dan perlu dibendung dengan sebaiknya. Kenyataan daripada RA/3 dan RA/1 pula menunjukkan mereka telah terjebak dengan ketagihan seks yang berpunca daripada seks siber. Perkara ini selari dengan kajian Norman & Othman (2020) yang mendapati bahawa 53% remaja di Indonesia yang terlibat dengan ketagihan pornografi berakhir dengan perlakuan seks bebas disebabkan perasaan ingin tahu dan rangsangan yang kuat sehingga membangkitkan nafsu keson daripada tontonan aksi yang terdapat dalam video pornografi.

## Perbuatan Onani

Dapatan menunjukkan bahawa seorang responden yang dikenali sebagai RA/2 menyatakan bahawa impak media sosial terhadap isu seks bebas dalam kalangan remaja adalah perbuatan onani. RA/2 menyatakan bahawa pornografi menyebabkan beliau mempunyai keinginan untuk bersentuhan: *“Walaupun saya ada keinginan untuk bersentuhan tapi saya orang yang takut. Sebab saya rasa kalau untuk dengan lelaki tu sakit”* (RA/2/90). Oleh kerana perasaan takut untuk melakukan seks, beliau melakukan perbuatan onani sehingga menyebabkan ketagihan: *“Sebab saya memang akan hari mungkin hari-hari ataupun 2 hari ataupun seminggu tu memang kena ada la”* (RA/2/102). Akibat daripada perbuatan onani tersebut, RA/2 tidak mampu untuk fokus dalam pelajaran dan sentiasa berasa kelesuan: *“Sejujurnya memang saya tak boleh nak fokus sangat. Kadang-kadang sebab kan triggered tu boleh jadi bila-bila masa saja”* (RA/2/164) *“Kadang sampai tertidur”* (RA/2/386). Onani tersebut bukan sahaja menyebabkan kelesuan malah menyebabkan tidak mampu fokus juga.

Media sosial dan akses mudah kepada pornografi memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi tingkah laku seksual remaja. Dalam kes RA/2, pendedahan kepada pornografi melalui media sosial telah mencetuskan keinginan untuk bersentuhan seksual. Namun, perasaan takut untuk melakukan hubungan seks fizikal telah mendorong RA/2 kepada perbuatan onani sebagai jalan keluar. Ini menunjukkan bagaimana media sosial boleh merangsang keinginan seksual melalui akses kepada kandungan pornografi, yang kemudiannya dihadkan oleh faktor emosi seperti ketakutan dan kebimbangan. RA/2 menyatakan bahawa ketakutannya terhadap kesakitan fizikal semasa hubungan seks menyebabkan beliau memilih onani sebagai gantian. Walaupun onani mungkin dilihat sebagai cara yang lebih selamat untuk memenuhi keperluan seksual tanpa risiko fizikal dan emosional yang berkaitan dengan hubungan seks, ia masih mempunyai kesan negatif yang serius. Ketagihan onani yang dialami oleh RA/2 menunjukkan bahawa tingkah laku ini boleh menjadi kompulsif dan mengganggu kehidupan sehariannya.

Ketagihan onani yang dialami oleh RA/2 memberi impak yang ketara terhadap kehidupan sehariannya. Kekerapan perbuatan onani yang hampir setiap hari menyebabkan RA/2 mengalami kesukaran untuk fokus dalam pelajaran dan sering merasa kelesuan. Ini menunjukkan bahawa walaupun onani mungkin dilihat sebagai alternatif yang lebih selamat kepada hubungan seks fizikal, ia boleh mengakibatkan kesan negatif yang serius terhadap prestasi akademik dan kesihatan fizikal remaja. Kelesuan yang dialami oleh RA/2 menunjukkan bahawa ketagihan ini juga boleh menjejaskan tahap tenaga dan keupayaan untuk melaksanakan tugas harian dengan berkesan. RA/2 juga menyatakan bahawa keinginan untuk melakukan onani boleh timbul secara tiba-tiba, mencetuskan impuls yang sukar dikawal. Ini menunjukkan bahawa pendedahan kepada rangsangan seksual melalui media sosial dan pornografi boleh mencipta pencetus yang kuat, menjadikan remaja sukar untuk mengawal impuls seksual mereka. Kegagalan untuk mengawal impuls ini boleh mengakibatkan kitaran ketagihan yang berterusan, di mana remaja sentiasa mencari kepuasan segera melalui onani. Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh McNabney et al. (2020) yang mendapati bahawa pornografi meningkatkan kekerapan melakukan onani serta meningkatkan keghairahan dan kepuasan semasa beronani.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa media sosial dan akses mudah kepada pornografi memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi tingkah laku seksual remaja. Pendedahan kepada kandungan pornografi, risiko ketagihan seks dan perbuatan onani adalah beberapa aspek yang perlu diberikan penekanan untuk diawasi. Pendidikan seksual di sekolah dan di rumah perlu merangkumi aspek penggunaan media sosial dan risiko yang berkaitan dengan pendedahan kepada pornografi. Remaja perlu diberi pengetahuan tentang cara menguruskan keinginan seksual mereka dengan cara yang sihat dan bertanggungjawab. Hal ini semakin mengukuhkan lagi perlunya pendekatan yang holistik bagi mengatasi kesan media sosial pada remaja dalam isu seksualiti ini. Justeru, kerjasama daripada semua pihak termasuk ibu bapa, pendidik dan kerajaan amat penting bagi memberi pemahaman kepada remaja berkenaan isu seksualiti dan memanfaatkan media sosial dengan bijak demi masa depan yang lebih baik.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang bertajuk “Model Daya Tindak Keibubapaan Dalam Membimbing Seksualiti Remaja Di Rumah Perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat” dengan Kod: FRGS/1/2022/SSI07/UPSI/02/16. Penghargaan setinggi-tingginya kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang telah menaja penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Ab Halim, F., & Muslaini, M. S. M. (2018). Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar di Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1).
- Abdul Rahman, S. F. (2020). Memelihara Keturunan Melalui Pendidikan Seksual Islami. *Journal of Education and Social Sciences*, 15(2).
- Akram, W., & Kumar, R. (2017). A Study on Positive and Negative Effects of Social Media on Society. *International Journal of Computer Sciences and Engineering*, 5(10), 351–354. <https://doi.org/10.26438/ijcse/v5i10.351354>
- Aminnuraliff, M. (2024). Budak 5 tahun nodai adik kembar akibat ketagih seks. *Sinar Harian*.
- Ashraaf, M. A., & Othman, N. (2019). Factors for Pornography Addiction and its Implication on Teenager Personality. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(11). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i11/6643>
- Bahaudin, N. H. (2021, July 28). 6 mangsa jenayah seksual sehari. *Hmetro*.
- Deswita, 1968. (2006). *Psikologi perkembangan / Deswita*. Remaja Rosdakarya.
- Fakulti Perubatan UKM. (2023). 75 Peratus Remaja Malaysia Tonton Video dan Gambar Lucah. *Portal Berita Rasmi Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Fauzi, N. (2017). *Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan: Suatu Kebaikan Atau Keburukan?*
- Ibarra, F. P., Mehrad, M., Di Mauro, M., Peraza Godoy, M. F., Cruz, E. G., Nilforoushzadeh, M. A., & Russo, G. I. (2020). Impact of the COVID-19 pandemic on the sexual behavior of the population. The vision of the east and the west. *International Braz J Urol*, 46, 104–112. <https://doi.org/10.1590/S1677-5538.IBJU.2020.S116>
- Jasmi, K. A. (2017). *Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya in Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*. <https://www.researchgate.net/publication/317105967>
- Astro Awani. (2020). Kenali penyakit ketagihan seks, adakah anda mengalaminya? *Astro Awani*.



- Lestari, I. A., Fibriana, A. I., & Prameswari, G. N. (2014). Faktor-Faktor Yang Berhubungan Dengan Perilaku Seks Pranikah Pada Mahasiswa UNNES. *Unnes Journal of Public Health*, 3(4). <http://journal.unnes.ac.id/sju/index.php/ujph>
- McNabney, S. M., Hevesi, K., & Rowland, D. L. (2020). Effects of Pornography Use and Demographic Parameters on Sexual Response during Masturbation and Partnered Sex in Women. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(9). <https://doi.org/10.3390/ijerph17093130>
- Mstar Online. (2014). Remaja 15 Tahun Rogol Ibu Kandung Di Tahan. *Mstar Online*.
- Norman, A. A., & Othman, N. (2020). Ketagihan Pornografi Dalam Kalangan Remaja: Faktor Dan Implikasi Terhadap Sahsiah Diri Remaja. *Jurnal Melayu Bil*, 19(2), 205.
- Sabran, M. S. (2003). *Pengenalan kepada masalah sosial*. McGraw-Hill.
- Shahrudin, N. J., Mansor, M., Madon, Z., & Hamsan, H. H. (2018). Hubungan Pengaruh Rakan Sebaya, Estim Diri dan Lokus Kawalan dengan Sikap terhadap Tingkah Laku Seksual. *Akademika*, 88(2), 81–94. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-06>
- Subhi, N., Abdul Razak, N. A., & Ibrahim, R. (2021). Kesehatan Seksual Dan Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Berisiko. *Journal of Social Sciences and Humanities* , 18(6), 1823–1884.
- Tarmizi, N. A. N., & Wan Sulaiman, W. S. (2022). *Hubungan Antara Gaya Keibubapaan, Tingkah Laku Ketagihan Pornografi dan Kepuasan Hidup dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia*. 6(1), 1–13.
- Zakaria, Mohd. Z., & Baharuddin, D. F. (2011). *Ketagihan Seks Siber: Pengalaman Kaunselor Di Malaysia*. <http://perkamainternationalconvention.blogspot.com/>.